

Seri Paduka terima menghadap PM

Putrajaya: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam, menerima menghadap Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi Mesyuarat PraKabinet mingguan Ke-30 yang disifatkan Istana Negara sebagai 'amat bermakna'.


Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, dalam satu kenyataan, berkata mesyuarat di Istana Melawati di sini, bermula pada 8 pagi dan berlangsung selama 45 minit.

"Mesyuarat PraKabinet pada hari ini (semalam) amat bermakna kerana ia Mesyuarat PraKa-

binet kali ke-30 Seri Paduka bersama Perdana Menteri sejak Al-Sultan Abdullah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16 pada Januari tahun ini.

"Ini menunjukkan Al-Sultan Abdullah bukan sahaja prihatin dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran negara, malah, Seri Paduka mengambil perhatian serius dalam hal ehwal kebajikan rakyat jelata.

"Al-Sultan Abdullah juga amat terperinci. Seri Paduka Baginda sentiasa meluangkan masa meneliti memorandum, nota Jemaah Menteri dan laporan-laporan, sehari sebelum setiap Mesyuarat PraKabinet diadakan," katanya



Al-Sultan Abdullah menerima menghadap Tun Dr Mahathir bagi Mesyuarat PraKabinet mingguan Ke-30, di Istana Melawati, semalam.

Ahmad Fadil berkata, Al-Sultan Abdullah amat peka ketika mesyuarat dan Seri Paduka menggunakan buku nota kecil untuk

mencatat butiran perbincangan bersama Perdana Menteri.

Katanya, Mesyuarat PraKabinet antara aktiviti mingguan atau

rutin utama Seri Paduka untuk berbincang dan bertukar pendapat bersama Perdana Menteri.

BERNAMA